

Ucapan ADHO
489
98/80

UCHAPAN Y.B. INCHE HUSSEIN ONN MENTERI
PELAJARAN DI-UPACHARA PEMBUKAAN EXPO
PENDIDEKAN OLEH D.Y.M.M. SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DI-STADIUM
NEGARA PADA 7HB OGOS 1972 JAM 9.30 PAGI.

D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG
DAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI
AGONG.

Anggun Tuanku.

1. ADA LAH SUATU KEHORMATAN KAPADA KEMENTERIAN
PELAJARAN DENGAN KEHADZIRAN TUANKU BERDUA PADA
PEMBUKAAN RESMI EXPO PENDIDEKAN 72 PAGI INI.
KEHORMATAN INI BERTAMBAH LAGI KERANA TUANKU TELAH
SUDI MENCHEMAR DULI BERANGKAT MENGISHTIHARKAN PEM-
BUKAAN EXPO INI. DENGAN KESADARAN ~~KAMI~~ *patek* TERHADAP
MINAT DULI2 YANG MAHA MULIA TUANKU BERDUA DALAM
HAL EHWAL PEMBANGUNAN NEGARA INI, TERUTAMA SAKALI
DALAM LAPANGAN PELAJARAN, ~~KAMI~~ *patek* YAKIN BAHAWA DULI2
YANG MAHA MULIA TUANKU AKAN MENDAPATI EXPO INI
BUKAN SAHAJA ~~SERONOK~~ *menarik hati* DAN ~~JUGA MENJOLOK~~ *menduga* FIKIRAN;
bahkan ~~TETAPI~~ JUGA MENCHABAR.

EXPO INI IA LAH KEMUNCHAK PAMERAN2 PELAJARAN DI-
PERINGKAT DAERAH DAN NEGERI. SEGALA FIKIRAN, TENAGA
DAN USAHA TELAH DI BUAT BAGI PERANCHANGAN DAN PERSEDIAAN-
NYA. TIAP2 SA ORANG DARI PATEK SEKALIAN, IA ITU MEREKA
DI KEMENTERIAN PELAJARAN, PEJABAT2 PELAJARAN NEGRI,
MAKTAB2 PERGURUAN, UNIVERSITI2, YAYASAN2 PELAJARAN
TINGGI DAN SEKOLAH2, BERASA BANGGA DAPAT MENUNJOKKAN
PAMERAN INI KAPADA NEGARA. ADA LAH SATU PERKARA YANG
MEMBANGGAKAN BAHAWA BEBERAPA TAHUN YANG LALU SEMENJAK
NEGARA KITA TELAH SAMPAI KA SUATU PERINGKAT DI-DALAM
NEGARA MENCHAPAI KEMERDEKAAN, NEGARA DAN BANGSA KITA
TELAH MEMBUAT SUATU KEMAJUAN YANG BESAR DI BIDANG
PELAJARAN. SEMUA SEGI PELAJARAN AKAN DI TUNJOKKAN
DALAM EXPO INI ----- SEJARAH PELAJARAN SABELUM
DAN SASUDAH KEMERDEKAAN, PELAJARAN RENDAH, PELAJARAN
MENENGAH, PELAJARAN MAKTAB, PELAJARAN UNIVERSITI,
PELAJARAN SAINS,
PELAJARAN TEKNIK DAN VOKESHENAL DAN PELAJARAN UGAMA.
KESEMUA INI DI TUNJOKKAN DALAM CHARA DAN BENTOK YANG
MUDAH DI FAHAM.

2. AMPUN TUANKU, PATEK MOHON IZIN BERUCHAP

KAPADA HADHIRIN SEKALIAN.

Y.A.B. Puan Tunjibalan Perdana Menteri dan Tok Puan Norashikin,

Y.B. MENTERI2, TUAN2 YANG TERUTAMA, Y.A.B. MENTERI2

BESAR DAN KETUA2 MENTERI, TAN SRI2 DAN PUAN SRI2,

DATO2 DAN DATIN2, TUAN2 DAN PUAN2 SEKALIAN.

OBJEKTIF UTAMA NEGARA KITA IA-LAH PERPADUAN.

MEMANG BENAR BAHAWA KAPADA PERPADUAN LAH BERGANTONG

KEAMANAN, KESETABILAN DAN KEMAAMORAN NEGARA KITA.

NEGARA KITA TELAH SAMPAI KA SUATU PERINGKAT DI-DALAM

PEMBANGUNAN-NYA, DI-MANA KITA MESTI MENITIEKBERATKAN

PENYATUAN SOSIAL DAN PEMBAHAGIAN PENDAPATAN SERTA

PELUANG2 YANG LEBEH ADIL, UNTUK PERPADUAN DAN KEMAJUAN

NEGARA. ADA-LAH NYATA BAHAWA TEMPAT SEMAIAN BENEH2

YANG BAIK INI IA-LAH DI-SEKOLAH2 DAN MELALUI PELAJARAN.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, SISTEM PELAJARAN KITA BUKAN

HANYA HENDAK MEMBERIKAN ILMU PENGETAHUAN ---- SEKALI PUN

ILMU PENGETAHUAN ITU BERNILAI ----- TETAPI TIDAK KURANG

JUGA PENTING-NYA ^{*ialah*} USAHA MENDIDEK DAN MENANAMKAN

DI-KALANGAN ANAK2 KITA *perasaan kasih sayang* AKAN ~~TANGGONG~~ JAWAB DAN TA'AT

SETIA MEREKA KAPADA NEGARA INI.

~~JAWAB DAN TA'AT SETIA MEREKA KEPADA NEGARA INI.~~

LAGI, KERANA SIFAT YANG BAGINI TIDAK BOLEH TIDAK

3. PADA KETIKA INI, TERDAPAT LEBEH KURANG 2.5 JUTA MURID2 DAN PENUNTUT2 DI-SEKOLAH2, MAKTAB2 DAN UNIVER-SITI2. SEMENTARA ITU, TERDAPAT PULA LEBEH DARI 5,000 BUAH SEKOLAH DI-NEGARA INI, IA ITU DI-BANDAR2 DAN DI-DESA2 YANG TERPENCHIL. BILANGAN GURU2 PULA IA-LAH SERAMAI LEBEH KURANG 63,000 ORANG. BILANGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI DI-UNIVERSITI2 KITA, IA-LAH LEBEH KURANG ~~11,000~~ ^{11,000} ORANG DAN TERDAPAT BEBERAPA RIBU ORANG LAGI DI-UNIVERSITI2 DAN LAIN2 PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI-SEBERANG LAUT. DALAM BEBERAPA TAHUN INI KITA TELAH MEMBELANJAKAN LEBEH KURANG 5% ~~KNK~~ ^{GNP} UNTOK PELAJARAN; ~~IA ITU~~ PUKOL RATA LEBEH KURANG 22% DARI PERBELANJAAN PENGURUSAN NEGARA TIAP2 TAHUN, DAN DI-DALAM RANCHANGAN MALAYSIA YANG KEDUA, 7.3% DARI JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN. ANGKA2 INI ADA-LAH MENKAGUMKAN DARI APA JUA UKORAN, TERUTAMA SEKALI BAGI SA-SABUAH NEGARA YANG KECHIL DAN SEDANG MEMBANGUN SAPERTI MALAYSIA.

4. DALAM PADA ITU, KAMI TIDAK PULAU BERPUAS HATI LAGI, KERANA SIFAT ^{*suas hati ini*} ~~YANG BAGINI~~ TIDAK BOLEH TIDAK AKAN MENGAKIBATKAN KEMUNDORAN DAN KEROSAKAN. KAMI AKAN TERUS BERAZAM, BUKAN SAHAJA UNTOK MENAMBAHKAN LAGI KEMUDAHAN2 DAN PELUANG2 UNTOK KANAK2 KITA, TETAPI JUGA UNTOK MUTU PELAJARAN YANG LEBEH TINGGI LAGI. KAMI BERAZAM HENDAK MEMBERI PELAJARAN YANG TERBAIK SEKALI UNTOK KANAK2 KITA. INI TIDAK DAPAT TIDAK AKAN MEMAKAN MASA DAN TENAGA YANG BANYAK. WALAU BAGAIMANA PUN, KAMI TETAP AKAN MENGHADAPI CHABARAN INI. KAMI MEMPUNYAI KEYAKINAN TERHADAP SIFAT2 RA'AYAT NEGARA INI YANG MAJU DAN DINAMIS. DI-MANA TERDAPAT KEYAKINAN, DI-SITU LAH ADA HARAPAN, DAN DENGAN ADA-NYA USAHA YANG DINAMIK, KEMAJUAN AKAN TERCHAPAI KELAK.

5 THEMA EXPO INI IA-LAH "KEMAJUAN MELALUI
PENDIDIKAN". KEMAJUAN MELALUI PENDIDIKAN MEMERLUKAN
TENAGA DAN SOKONGAN NEGARA KESELUROHAN-NYA, KERANA
SEGALA2-NYA YANG LAIN ITU, ADA-LAH DI-BENAKAN DI-ATAS
^{ASAS}
~~ASAS~~ YANG TERMAKTUB DI-YAYASAN2 PELAJARAN KITA.
KEMENTERIAN PELAJARAN SEMAIKAN BENEH2 ^{INI} ~~INI~~, DAN NEGARA
MENERIMA HASIL-NYA.

6. KESELUROHAN EXPO INI ADA-LAH SIMBOL KEMAMPUAN
SISTEM PELAJARAN KITA. DARI MULA SAMPAI AKHIR, ADA-LAH
BERHUBONG DENGAN KERJA MURID2, GURU2, PENSHARAH2 DAN
PEGAWAI2 KEMENTERIAN. SEMUA KERJA PERTUKANGAN,
PEMBEKALAN TENAGA LETRIK DAN PERTUNJOKAN DI-SABELAH
LUAR, ADA-LAH HASIL USAHA KAKI-TANGAN2 DAN PENUNTUT2
MAKTAB PERGURUAN TEKNIK DAN MAKTAB PERGURUAN ILMU KHAS
CHERAS. KAPADA MEREKA SAYA MENGUCHAPKAN BERBANYAK
TERIMA KASEH.

SELUROH KERJA ATOR-MENGATOR BAHAN2 PAMERAN INI, TELAH
DI-SELANGGARAKAN DENGAN BIJAK-NYA OLEH INCHE YEOH
JIN LENG DARI MAKTAB PERGURUAN ILMU KHAS, CHERAS.

KAPADA BELIAU SAYA UCHAPKAN TERIMA KASEH. PERTUNJOKAN2

FOYER

DI-~~LIAR~~ PULA ADA-LAH DI-BENTOK OLEH TUAN SYED AHMAD

JAMAL, SA-ORANG ARTIST, DAN JUGA DARI MAKTAB PERGURUAN

ILMU KHAS. ~~KADANG KALA SAYA RASA AMAT SUKAR HENDAK~~

~~MENGGAMBARAKAN APA YANG DI-CHIPTA-NYA. SABAGAI SA-~~

~~ORANG BIASA, SAYA MENGGAMBARAKAN SA-SUATU~~

~~BENTOK BADAN MANUSIA ITU DALAM BENTOK CHORAK-NYA~~

~~YANG BIASA SAHAJA. SAYA DAPAT MEMBAYANGKAN BENTOK~~

~~SA-ORANG MANUSIA YANG SA-BENAR-NYA DAN BUKAN-NYA~~

~~BERBENTOK EMPAT SEGI ATAU BENGKOK (MELAINKAN MANUSIA~~

~~ITU MENGIDAP PENYAKIT BARAH), ATAU DI-DAHI-NYA,~~

~~ATAU MENYANGKONG DI-KAWASAN DI-MANA SEPATUT-NYA~~

~~PUSAT MANUSIA ITU BERADA. AKAN TETAPI DALAM APA JUA~~

~~BENTOK ORGAN DAN ANGGOTA MANUSIA ITU DI-LIHAT OLEH~~

Syed Ahmad Jamal itu, sendiri

~~SA SAORANG, INI IA LAH SOAL NYA SENDIRI. SAYA~~

harat²

~~HANYA BERHARAP AGAR BAYI2 PADA MASA AKAN DATANG TIDAK~~

~~LAHIR DEMIKIAN RUPA. SUNGGOH PUN DEMIKIAN, SAYA~~


Saya

UCHAPKAN TERIMA KASEH KAPADA BELIAU KERANA DAYA PEMIKIRAN DAN USAHA-NYA YANG TELAH DI-CHURAHKAN BAGI MEREKABENTOK PERTUNJOKAN YANG DI-~~LUAR~~^{FOYER} ITU.

7. SAYA SUKA JUGA MENGUCHAPKAN TERIMA KASEH KAPADA GURU2 DARI SELANGOR, PERAK DAN NEGERI SEMBILAN KERANA TELAH MEMBERIKAN BANTUAN YANG TIDAK TERNILAI DI-DALAM KERJA2 PERSEDIAAN DAN MENYIAPKAN BEBERAPA CHARTA. SEGALA KERJA UNTOK EXPO INI ADA-LAH SANGAT TELITI DAN HALUS DAN BERKEHENDAKKAN BANYAK KESABARAN. UCHAPAN ISTIMEWA DI-BERIKAN KAPADA ENCHE D.S.DAVID KERANA TELAH MENCHADANG EXPO INI DI-ADAKAN DAN MEMUJOK SAYA MENGADAKAN-NYA. EXPO INI IA-LAH YANG ULONG KALI PERNAH DI-ADAKAN OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN. ADA-LAH DI-INGATKAN BAHAWA EXPO INI TA'MUNGKIN ADA SAKIRA-NYA KAMI TIDAK DAPAT KERJASAMA, BANTUAN SOKONGAN DAN KERJA KUAT YANG DI-BERIKAN OLEH SEMUA PEHAK, IA-ITU SEKOLAH2, MAKTAB2, UNIVERSITI2, GURU2, PENSHARAH2,

KAKITANGAN2 JABATAN KERJA RAYA, LEMBAGA LETRIK NEGARA,
JABATAN TALIKOM, POLIS, KEMENTERIAN PENERANGAN, RADIO
DAN TALIVISHEN MALAYSIA, JABATAN PENERANGAN SELANGOR,
AKHBAR2, PENDERMA2 SAMA ADA WANG RINGGIT DAN BAHAN2 ^{PAMERAN,}
PEJABAT2 PELAJARAN NEGERI, PEGAWAI2 KEMENTERIAN
PELAJARAN DAN AHLI2 JAWATAN KUASA EXPO KEBANGSAAN
DAN LAIN2 JAWATAN KUASA. KEPADA MEREKA SEMUA, SAYA
UCHAPKAN TERIMA KASEH.

8. AMPUN TUANKU, IZINKAN PATEK MENYATAKAN SEKALI
LAGI BETAPA BANGGA-NYA KEMENTERIAN PELAJARAN KERANA
KEBERANGKATAN KEHADZIRAN DULI2 YANG MAHA MULIA TUANKU
BERDUA DI-MAJLIS PAGI INI. AMPUN TUANKU, SEKARANG
DENGAN SEGALA HORMAT-NYA, PATEK MEMPERSILAKAN KEBAWAH
DULI TUANKU MENGISHTIHARKAN PEMBUKAAN EXPO INI.



AKITANGANS JABATAN KERJA RAYA, LEMBAGA ELETRIK NEGARA,
 BATAN TALIKOM, POLIS, KEMENTERIAN PENERANGAN, RADIO
 AN TALIVISHEN MALAYSIA, JABATAN PENERANGAN SELANGOR,
 KHBARS, PENDERMAS SAMA ADA WANG RINGGIT DAN BAHAN
 JABATS PELAJARAN NEGERI, PEGAWAIS KEMENTERIAN
 ELAJARAN DAN AHLIS JAWATAN KUASA EXPO KEBANGSAAN
 AN LAIN JAWATAN KUASA. KEPADA MERKA SEMUA, SAYA
 CHAPKAN TERIMA KASIH.

AMPUN TUANKU, IZINKAN PATEK MENYATAKAN SEKALI
 AGI BETAPA BANGGA-NYA KEMENTERIAN PELAJARAN KERANA
 BERANGKATAN KEHADZIRAN DULIS YANG MAHA MULIA TUANKU



No. Siri	125
No. Penerimaan	125/80